



SIRI LATIHAN
PEMBANGUNAN PELAJAR

LATIHAN
KECEMERLANGAN
PELAJAR

MODUL 1

UNIVERSITI & SEKOLAH

Ahmad Rozelan Yunus Wan Rani Ahmad Amir Azis

Siri Latihan Pembangunan Pelajar
STRATEGI BELAJAR BERKESAN

Ahmad Rozelan Yunus
Amir Aris

KANDUNGAN

PRAKATA

PEPERIKSAAN : STRATEGI CEMERLANG

JADUAL ULANG KAJI

BELAJAR BERKUMPULAN

STRATAEGI BELAJAR DI UNIVERSITI

PRAKATA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sesungguhnya ucapan syukur yang paling dalam dan syahdu adalah kepada Yang Maha Esa kerana mengizinkan kita semua menghirup udara segar, nikmat yang seharusnya menginsafkan kita sebagai hambaNya. Kami dalam ruangan yang penuh maksudnya, ingin menyatakan bahawa kami sangat berasa gembira di atas penampilan modul ini. Modul ini bertajuk "Siri Latihan Pembangunan Pelajar: Strategi Belajar Berkesan" merupakan bahan-bahan yang telah digunakan oleh kami sejak 15 tahun lalu ditambah nilai dengan bahan-bahan terkini dan telah disampaikan kepada para peserta melalui kaedah latihan kontemporari yang memberikan kesan yang sangat positif. Berdasarkan kepada maklumbalas dan harapan yang diberikan, modul ini diyakini dapat membantu dalam membangunkan individu pekerja dalam sesebuah organisasi.

Modul ini mengetengahkan beberapa strategi untuk cemerlang pelajaran dan peperiksaan. Ia menekankan kepada cadangan-cadangan untuk cemerlang dalam peperiksaan melalui kaedah belajar yang berkesan seperti membina jadual mengulang kaji pelajaran di rumah atau di asrama. Juga di ketengahkan cadangan pendekatan berkesan strategi belajar berkumpulan di sekolah dan universiti

Akhir sekali, persembahan dalam modul ini mungkin ada kekurangan dan kelebihannya, tinggi dan rendahnya. Tapi, sebaiknya biarlah karya-karya dalam modul ini sendiri yang menyampaikan maksudnya. Dengan rendah hati, kami ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Cik Nor Shuhaney binti Mohd Said yang telah banyak membantu kami dalam penerbitan modul ini. Kami juga ingin memohon maaf di atas kecacatan dan kekurangan yang ada dalam karya ini.

Salam hormat,

Ahmad Rozelan Yunus

Amir Aris

PEPERIKSAAN : STRATEGI CEMERLANG

Pengenalan

Mencapai keputusan yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan adalah menjadi idaman setiap pelajar. Bagi memungkinkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan, pelajar perlu merangka dan melaksanakan persediaan yang sistematik dan berarah. Tiada jalan pintas yang mudah untuk berjaya dalam peperiksaan selain melakukan persediaan yang rapi. Persediaan menghadapi peperiksaan diumpamakan seperti menyediakan diri untuk mendaki gunung. Asas utama bagi seorang pendaki gunung ialah disiplin dan perlu bersikap positif serta yakin dengan kebolehan diri untuk menawan gunung. Saya percaya pendaki-pendaki gunung perlu membuat persediaan yang lebih awal sebelum tarikh sebenar pendakian. Pendaki juga diperlukan mengenali dahulu gunung yang bakal didaki. Pendaki Gunung Kinabalu misalnya, menyedari bahawa pendakian perlu dibuat pada awal pagi bagi mengelakkan kesukaran meredah kabus sewaktu perjalanan turun dari gunung setelah puncak ditakluki. Oleh itu, mereka perlu memahirkan diri dengan beberapa teknik dan taktik agar pendakian dapat berjalan dengan lancar bagi menjamin puncak gunung berjaya ditakluki.


Pendekatan yang hampir sama juga perlu diambil pelajar-pelajar dalam menyediakan diri untuk menghadapi peperiksaan. Mereka perlu berazam dan tanamkan sikap positif, disiplin diri serta yakin dengan kebolehan diri. Teknik dan kemahiran persediaan menghadapi peperiksaan perlu dikuasai dengan berkesan.

Perbincangan ini akan menyentuh beberapa cadangan-cadangan tindakan yang sesuai untuk lebih bersedia dalam menghadapi peperiksaan, khususnya peperiksaan di peringkat universiti.

Apa Dia Peperiksaan?

Ramai di kalangan pelajar menganggap peperiksaan adalah sesuatu yang memeritkan. Ini dapat dibuktikan bilamana ramai pelajar akan berada dalam situasi kelam-kabut dan tidak tenteram bila tiba waktu peperiksaan.

Terdapat banyak tafsiran mengenai erti atau maksud peperiksaan. Oleh kerana peperiksaan berkait rapat dengan gaya ingatan, maka kita tidak dapat lari dari menghubungkan peperiksaan dengan keupayaan mengingat. Ahli psikolgi telah mengaitkan bahawa 99 peratus daripada sebab utama para pelajar takut dengan peperiksaan ialah kerana mereka takut lupa. Oleh itu eloklah difahami bahawa proses daya ingatan dalam peperiksaan melibatkan tiga aktiviti iaitu terima maklumat, simpan maklumat dan mengeluarkan maklumat.



Menurut Shukri Abdullah (1997), aktiviti terima maklumat ialah melalui proses bacaan, perbincangan, pendengaran, penglihatan serta saluran pancaindera yang lain. Peringkat menyimpan maklumat pula melibatkan proses penyimpanan di dalam otak melalui aktiviti ulang kaji secara berterusan. Semakin kerap diulang kaji maka semakin kuat dan kekal ia disimpan. Manakala peringkat mengeluarkan maklumat ialah aktiviti memanggil semula maklumat yang disimpan khususnya sewaktu peperiksaan. Dari tafsiran ini maka jelaslah bahawa peperiksaan bertujuan untuk menguji kecekapan pelajar memanggil keluar maklumat dengan cepat dan tepat.

Bina Matlamat Peperiksaan

Peperiksaan adalah sebahagian daripada aktiviti utama dalam sistem pendidikan. Bahkan sewaktu di universiti, pelajar-pelajar akan terlibat dengan peperiksaan sehingga ke saat akhir mereka berada di menara gading. Ia adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Oleh yang demikian, pelajar seharusnya mencari jalan menghadapinya, dan tidak mengelakkannya.

Sebagai asas kepada menyediakan diri dengan peperiksaan, pelajar perlu tahu apa matlamat peperiksaan mereka. Pelajar perlu tahu apa yang dimatlamatkan dalam peperiksaan. Secara umumnya, matlamat utama ialah untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Namun begitu, dengan cuma menyatakan perkataan cemerlang, pelajar tidak dapat menjadikan matlamat tersebut sebagai target yang jelas.

Shukri Abdullah (1997) menyarankan supaya pelajar menulis matlamat peperiksaan mereka dengan jelas berasaskan **S, M, A, R, T**, yang bermaksud :

- Scripted** : Ditulis dengan jelas
- Measurable** : Boleh diukur (jelas, tidak samar)
- Attainable** : Boleh dicapai (tetapi mencabar)
- Reason** : Sebab utama hendak mencapai matlamat
- Time-frame** : Tarikh pencapaian matlamat

Berbagai cara boleh dinyatakan matlamat peperiksaan seseorang. Salah satu cara ialah dengan mendokumentasikan matlamat peperiksaan di atas sekeping kertas. Matlamat peperiksaan ini juga boleh dijadikan ikatan kontrak dengan diri sendiri. Contoh matlamat peperiksaan adalah seperti yang terdapat dalam rajah I.

Saya boleh berjaya sebab :

Dengan ini saya _____ berjanji untuk berusaha bersungguh-sungguh dan berterusan dari sekarang.

Tanda tangan : _____ Tarikh : _____

MATLAMAT PEPERIKSAAN SAYA

(Perlu diisi oleh pelajar)

Bagi peperiksaan _____ saya pada _____ , matlamat saya ialah untuk memperolehi keputusan penuh seperti berikut :

	Mata pelajaran	Matlamat
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		

Tiga sebab utama saya perlu capai matlamat di atas adalah:

1. _____

2. _____

3. _____

Dengan izin Allah, matlamat saya akan tercapai.

Ulang kaji berterusan

Ramai pelajar menganggap sekiranya mengulang kaji pelajaran awal-awal lagi, mereka akan lupa menjelang hari peperiksaan. Mereka mudah lupa sebenarnya adalah disebabkan ulang kaji itu dilakukan sekali-sekala. Ulang kaji perlu dibuat secara berterusan. Amalan mengulang kaji apabila hampir dengan peperiksaan sebenarnya lebih mendatangkan tekanan kerana bahang peperiksaan yang semakin hampir akan lebih mendedahkan pelajar bahawa mereka masih banyak belum diulang kaji. Ini kemungkinan akan lebih mewujudkan keadaan panik.

Pendekatan berkesan dalam proses membuat ulang kaji berterusan ialah dengan belajar secara berkumpulan atau *group study*. Prinsip asas belajar berkumpulan ini ialah perkongsian (Salihan Siais, 1993), iaitu berkongsi usaha dan tenaga dalam mengumpul dan menganalisis ilmu atau topik yang dipelajari dalam kuliah. Aspek perkongsian dalam belajar berkumpulan ini ialah seperti berikut :

Bahagi tugas : ahli kumpulan akan diberi tanggungjawab untuk mendalami sesuatu topik yang diberikan kepadanya. Dengan cara ini, pelajar berkenaan dapat mengumpulkan segala tenaganya mendapatkan rujukan yang mendalam supaya pada ketika pembentangnya kepada ahli kumpulan yang lain, dia akan dapat mengupas topik dengan baik. Ahli-ahli kumpulan yang lain juga akan mendapatkan manfaat dari usahanya itu. Manakala itu, dia juga akan mendapat manfaat yang sama terhadap pembentangan topik lain oleh ahli kumpulan yang lain pula.

Give and take : ahli kumpulan saling menyumbang sesama sendiri. Berasaskan prinsip bahawa individu mempunyai pendekatan dan pemahaman yang berbeza antara satu sama lain, akan menyediakan asas bahawa ahli kumpulan akan berpeluang berkongsi ilmu mengikut perspektif atau pandangan yang berbeza. Keadaan ini akan menjadikan penghayatan dan pemahaman ilmu itu lebih mantap dan berkesan.

Kenalpasti kekuatan : ahli kumpulan akan dapat saling membantu, di mana sewaktu pengagihan topik perbincangan, ahli kumpulan sudah tentu akan memilih topik-topik yang dia sendiri ada kekuatan atau berminat. Pelajar yang mahir dalam sesuatu aspek ilmu itu akan dapat memberi sumbangan yang lebih, dan ini akan dapat membantu ahli kumpulan lain yang kurang menguasai aspek ilmu berkenaan. Semangat saling membantu ini akan merapatkan lagi hubungan sesama ahli kumpulan yang mana seterusnya akan memberi kesan yang mendalam dalam perkongsian ilmu.

Belajar secara berkumpulan adalah jalan terbaik ke arah belajar secara berterusan. Kebosanan yang sering wujud dalam proses belajar bersendirian akan dapat di atasi dengan cara ini. Namun begitu, proses belajar berkumpulan ini perlu diasaskan rasa bertanggungjawab sesama ahli kumpulan. Ahli kumpulan perlu membentuk sendiri peraturan-peraturan serta prosedur kumpulan. Peraturan dan prosedur ini nanti akan menjadi pemangkin kerjasama dan perkongsian yang lebih bertanggung jawab.

Mengenali Peperiksaan

Umpama pepatah "Tak kenal maka tak cinta", maka pelajar perlu terlebih dahulu mengumpul sebanyak mungkin maklumat mengenai peperiksaan yang bakal diduduki. Dengan maklumat yang ada akan membantu ke arah persiapan dan memahami keperluan peperiksaan. Antara aspek yang perlu diketahui ialah topik-topik kursus, mengenali pemeriksa, jenis soalan serta markah yang diperuntukkan.

Pelajar harus kenal pasti topik-topik yang terkandung dalam kursus yang diikuti, kerana soalan-soalan peperiksaan sudah tentu berdasarkan topik kursus. Selain itu, pelajar juga perlu peka dengan topik-topik yang penting atau topik tunjang untuk kursus berkenaan. Dengan menyedari kandungan kursus akan membantu pelajar bersedia untuk peperiksaan.

Di peringkat universiti, kebiasaannya pensyarah sesuatu kursus itu sendiri akan menyediakan soalan dan seterusnya memeriksa kertas peperiksaan. Oleh yang demikian, pelajar perlu berusaha mengenali pemeriksa berkenaan tentang apa yang diharapkan olehnya daripada pelajar-pelajarnya. Ini dapat dilakukan dengan cuba memahami keperluan pemeriksa sewaktu

dalam kuliahnya. Misalnya ada pensyarah yang cenderung membawa situasi kuliahnya ke arah perbincangan secara aplikasi kes. *Trend* kuliah sebenarnya akan dapat memberi petunjuk bentuk soalan yang bakal disoal dalam peperiksaan.

Pelajar adalah wajar mendapatkan maklumat bentuk atau jenis-jenis soalan yang bakal disoal dalam peperiksaan. Soalan objektif misalnya memerlukan pelajar memahami konsep ilmu berkenaan selain daripada keupayaan mengingat, manakala soalan esei pula memerlukan pelajar menguasai ilmu berkenaan dan berupaya mengemukakan contoh dan hujah yang sesuai. Peruntukan markah bagi soalan-soalan yang ditanya juga perlu diambil tahu. Jumlah markah bagi sesuatu soalan itu menggambarkan keberatan atau *volume* jawapan yang diperlukan pemeriksa.

Menghadapi peperiksaan adalah merupakan satu kerja atau proses yang perlukan persediaan. Kejayaan cuma boleh terjamin dengan usaha berterusan yang bersungguh-sungguh, ada matlamat peperiksaan yang khusus dan mencabar, meminta bantuan bila memerlukan dan juga sentiasa memohon kepada Allah agar usaha yang dicurahkan akan berhasil.

JADUAL ULANG KAJI

Pengenalan

Penggunaan masa yang produktif sepatutnya diukur dari segi kualitinya, bukan kuantiti (Noraini Ahmad, 1994). Oleh yang demikian, pelajar perlu memastikan masa diruruskan dengan berkesan. Tidak ada gunanya jika mempunyai banyak masa, tapi tidak memenuhkannya dengan aktiviti yang berfaedah. Isu pengisian masa dengan aktiviti yang berfaedah telah lama menjadi perkara yang sukar diuruskan oleh banyak pelajar.

Pelajar di universiti perlu mempunyai disiplin diri yang tinggi dalam menguruskan masa. Di universiti sudah tidak ada lagi bunyi loceng tanda bermula dan berakhirnya kelas dan tiada pula sergahan warden asrama menggesa pelajar untuk pergi ke kelas persediaan malam. Maka pelajar-pelajar perlu bergerak sendiri mentadbir diri. Menurut Salihan Siais (1993) manusia sering membuang masa kerana mereka lalai dan leka. Maka bagi mengelakkan lalai, pelajar perlu mencari alat untuk sentiasa mengingatkan mereka terhadap perlunya mengulang kaji pelajaran. Alat terbaik dalam konteks pelajar ialah penyediaan jadual belajar. Tulisan ini akan mencadangkan kepada pelajar-pelajar khususnya yang berada di menara gading cara merancang masa bagi tujuan mengulang kaji pelajaran melalui jadual ulang kaji. Jadual Ulang Kaji yang dicadangkan ini adalah jadual yang akan dapat disesuaikan kepada semua golongan pelajar. Berikut ini akan dijelaskan langkah-langkah penyediaan Jadual Ulang Kaji berkenaan.

Langkah 1 : Kenalpasti Waktu Senggang

Pelajar terlebih dahulu perlu mengenal pasti waktu senggang mereka. Waktu senggang ini bermaksud waktu di mana tiada aktiviti-aktiviti rutin yang perlu dilakukan oleh pelajar. Proses ini memerlukan pelajar-pelajar mengisi borang seperti dalam rajah 1.

MASA SENGGANG

Rajah 1

	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
4.00 pg							
5.00 pg							
6.00 pg							
7.00 pg							
8.00 pg							
9.00 pg							
10.00 pg							
11.00 pg							
12.00 t.h							
1.00 t.h							
2.00 ptg							
3.00 ptg							
4.00 ptg							
5.00 ptg							
6.00 ptg							
7.00 mlm							
8.00 mlm							
9.00 mlm							
10.00 mlm							
11.00 mlm							
12.00 t.m							
1.00 pg							
2.00 pg							
3.00 pg							
JUMLAH	8 jam	7 jam	4 jam	6 jam	9 jam	12 jam	12 jam
JUMLAH JAM SEMINGGU							58 jam

Prosedur

1. Lorekkan waktu aktiviti-aktiviti rutin. Aktiviti rutin ialah perkara yang perlu dilakukan seperti membersihkan diri, solat, kuliah, turotial, waktu makan, temujanji *group study*, perjalanan ke kampus dan perkara-perkara tetap yang lain.
2. Kira jumlah jam waktu senggang yang ada pada setiap hari dan jumlahkan juga jumlah untuk seminggu.
3. Ruang yang tidak dilorek itu ialah waktu lapang setelah semua aktiviti rutin dikenal pasti.
4. Jumlah besar untuk seminggu itu adalah bermakna jumlah waktu lapang yang ada, dan waktu lapang inilah yang boleh diisi dengan aktiviti mengulang kaji pelajaran.

Langkah 2 : Kenal Pasti Keutamaan

Setelah mengetahui jumlah dan mengenal pasti waktu senggang, pelajar perlu pula mengenal pasti kursus yang perlu diberi keutamaan. Bagi menentukan keutamaan, justifikasi yang perlu dipertimbangkan ialah keberatan atau kepayahan sesuatu kursus berkenaan. Pelajar perlu menentukan mana kursus yang paling sukar dan menyusunnya kepada paling tidak sukar, Rajah 2 berikut ini adalah contoh keutamaan seorang pelajar.

Rajah 2

Kursus Di ambil Mengikut Kepayahan	Lambang	Jumlah Jam Seminggu
Prinsip Ekonomi	PE	13 jam
Matematik Perniagaan	MP	10 jam
Pengurusan Organisasi dan Perniagaan	POP	9 jam
Falsafah Sains dan Teknologi	FST	8 jam
Pengurusan Teknologi	PT	7 jam
Pembangunan Sosioekonomi Malaysia	PSM	6 jam
Tamadun Islam dan Tamadun Asia	TITAS	5 jam
		57 jam

Prosedur

1. Susun kursus mengikut susunan keberatan atau kepayahan kepada yang paling ringan.
2. Daripada jumlah jam waktu senggang yang diperolehi, agihkan jumlah-jumlah jam kepada semua kursus. Kursus pada kedudukan pertama diberi jumlah waktu yang paling banyak, dan semakin berkurangan bagi kursus-kursus dalam senarai.
3. Jumlah jam perlu menyamai jumlah jam waktu senggang yang diperolehi.
4. Tuliskan jumlah jam bagi setiap kursus berkenaan.
5. Jumlah jam bagi setiap kursus itu adalah jumlah waktu yang perlu diperuntukkan untuk mengulang kaji kursus berkenaan.

Langkah 3 : Membina Jadual Ulang Kaji

Setelah diperolehi jumlah peruntukan masa bagi setiap kursus yang diambil, maka pelajar kini bolehlah membentuk jadual waktu ulang kaji. Jumlah jam bagi setiap kursus itu perlu dipatuhi ketika mengatur jadual ulang kaji. Seperti contoh dalam Rajah 2, kursus yang paling sukar bagi pelajar ini ialah Statistik Lanjutan dan Analisis Data. Jumlah jam yang perlu dimasukkan ialah sebanyak 13 jam, iaitu jumlah jam yang paling banyak. Manakala kursus Kemahiran Asas Kaunseling iaitu kursus yang paling ringan kepada pelajar ini diperuntukkan waktu sebanyak 5 jam, jumlah yang paling sedikit. Sila lihat contoh pengisian jadual waktu ulang kaji dari rajah 3

JADUAL WAKTU ULANG KAJI

	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
4.00 pg							
5.00 pg							
6.00 pg							
7.00 pg							
8.00 pg		FST			FST	FST	FST
9.00 pg		FST			FST	FST	FST
10.00 pg					PT	PSM	PSM
11.00 pg					PT	PSM	PSM
12.00 t.h				TITAS		PSM	TITAS
1.00 t.h							
2.00 ptg	PT						
3.00 ptg	PT		PT			POP	POP
4.00 ptg	TITAS		PT			POP	POP
5.00 ptg	TITAS	PSM	PT	POP	POP	POP	POP
6.00 ptg							
7.00 mlm							
8.00 mlm	PE	PE		PE	PE	PE	PE
9.00 mlm	PE	PE		PE	PE	PE	PE
10.00 mlm	MP	MP		MP	MP	PE	MP
11.00 mlm	MP	MP	POP	MP	MP	TITAS	MP
12.00 t.m							
1.00 pg							
2.00 pg							
3.00 pg							
JUMLAH	8 jam	7 jam	4 jam	6 jam	9 jam	12 jam	12 jam
JUMLAH JAM SEMINGGU							58 jam

Prosedur

1. Masukkan jumlah jam bagi setiap kursus mengikut jumlah yang telah diperolehi dalam kawasan yang tidak dilorek.
2. Penentuan tempat untuk dimasukkan kursus adalah terpulang kepada pelajar sendiri, namun perlulah tebarannya sekata iaitu sebarannya pada setiap hari adalah seimbang.
3. Jadual waktu ulang kaji ini boleh diubahsuai mengikut keperluan semasa, dan jika ini berlaku, penentuan jumlah waktu adalah perlu mengulang langkah-langkah dan prosedur-prosedur yang sama dilalui sebelum ini.

Penutup

Untuk mencapai kecemerlangan, pelajar perlu mempunyai perancangan belajar yang jelas dan objektif. Menurut Mohamad Fadzil Che Din (1998) pelajar cemerlang adalah pelajar yang berdisiplin dan sentiasa yakin dengan kebolehan sendiri. Kebolehan merancang jadual belajar sendiri bersesuaian dengan keupayaan sendiri adalah alat yang sangat berkesan untuk mendisiplin diri dalam menguruskan waktu. Mudah-mudahan panduan ini akan memberi manfaat kepada semua pelajar.

WAKTU SENGGANG

Lorekkan waktu aktiviti-aktiviti rutin. Aktiviti rutin ialah perkara yang perlu dilakukan seperti membersihkan diri, solat, belajar di sekolah, tuisyen, waktu makan, temujanji *group study*, perjalanan ke sekolah, aktiviti ko kurikulum, riadhah tetap, dan perkara-perkara tetap yang lain.

	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD	
4.00 pg								
5.00 pg								
6.00 pg								
7.00 pg								
8.00 pg								
9.00 pg								
10.00 pg								
11.00 pg								
12.00 t.h								
1.00 t.h								
2.00 ptg								
3.00 ptg								
4.00 ptg								
5.00 ptg								
6.00 ptg								
7.00 mlm								
8.00 mlm								
9.00 mlm								
10.00 mlm								
11.00 mlm								
12.00 t.m								
1.00 pg								
2.00 pg								
3.00 pg								
JUMLAH								
JUMLAH JAM WAKTU SENGGANG SEMINGGU								

LAMPIRAN B

Mata Pelajaran Di ambil Mengikut Keperluan	Kedudukan	Jumlah Jam Seminggu
	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
JUMLAH JAM		

JADUAL WAKTU ULANG KAJI

	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
4.00 pg							
5.00 pg							
6.00 pg							
7.00 pg							
8.00 pg							
9.00 pg							
10.00 pg							
11.00 pg							
12.00 t.h							
1.00 t.h							
2.00 ptg							
3.00 ptg							
4.00 ptg							
5.00 ptg							
6.00 ptg							
7.00 mlm							
8.00 mlm							
9.00 mlm							
10.00 mlm							
11.00 mlm							
12.00 t.m							
1.00 pg							
2.00 pg							
3.00 pg							
JUMLAH							
JUMLAH JAM WAKTU ULANG KAJI SEMINGGU							

BELAJAR BERKUMPULAN

1. Penubuhan Kumpulan
2. Ciri-ciri ahli
3. Pelaksanaan Proses Belajar Bersama

Penubuhan Kumpulan

1. Minat dan bersedia
2. Bilangan ahli sederhana (4 - 6)
3. Pra meeting
4. Lantik Ketua
5. Atur jadual (fleksibel)
6. Bentuk peraturan dan etika

Ciri-ciri Ahli

1. Patuh kepada ketua/wakil
2. Bertanggungjawab
3. Hormatkan ahli lain
4. Tidak pentingkan diri
5. Tidak lokek
6. Siap sedia dengan tugas yang beri
7. Setia dan tidak mungkir janji
8. Pelihara etika kumpulan

Proses Pembelajaran Bersama

Pra Belajar

1. Tentukan kursus yang akan dibincang- kan
2. Bahagikan topik / sub-topik untuk setiap ahli buat persediaan
3. Tentukan tarikh, waktu dan tempat pertemuan

Pertemuan Belajar

1. Ahli bantangkan tugas yang diamanahkan kepadanya
2. Edarkan nota / catatan ringkas jika ada
3. Ahli menyoal dan ahli yang membentang sediakan penerangan lanjut (perbincangan)
4. Setelah selesai, ahli lain pula membentang (ulang proses yang sama sehingga semua agihan tugas selesai)
5. Sebelum bersurai, agihkan tajuk perbincangan untuk pertemuan berikutnya

STRATEGI BELAJAR DI UNIVERSITI

**SEMUA ORANG BERCITA-CITA
UNTUK BERADA DI MENARA GADING**

**TAHNIAH !
KERANA ANDA TELAH BERADA DI
SINI**

**TETAPI
PERJUANGAN ANDA BARU SAJA
BERMULA.....**

SEKOLAH vs UNIVERSITI

Ada jadual dan masanya
terkelompok

Ada latihan & latih tubi

Kerja-kerja diperiksa

Rujukan bercorak teks

Jadual kuliah terlerai

Tiada latihan sekadar
tugasan

Latihan sendiri

Rujukan tiada batasan

PERSEDIAAN AKHIR PEPERIKSAAN

SATU BULAN TERAKHIR SEBELUM PEPERIKSAAN

Hanya menekankan perkara-perkara berikut:

1. Ulang Kaji Bersendiri, Tumpuannya ialah:

Buat latihan soalan peperiksaan mengikut tahun peperiksaan dan topik

+ Latihan soalan tahun-tahun sebelumnya

+ Latihan soalan ramalan

+ Latihan soalan dalam buku ulang kaji

+ Latihan soalan peperiksaan sekolah lain

Semakan daya ingatan fakta-fakta tertentu

Baca, fahami dan ingati nota-nota ulang kaji

Latih tubi Matematik, Prinsip Akaun, dll

2. Perbincangan berkumpulan, Tumpuannya ialah:

Buat diskusi tajuk-tajuk terpilih

Mengajar kawan-kawan apa yang dipelajari

Buat kuiz akademik

Bincang strategi menjawab soalan

MALAM SEBELUM PEPERIKSAAN

Perlu melakukan perkara-perkara berikut:

1. Menyemak kembali nota-nota yang berkaitan dengan kertas peperiksaan yang akan dihadapi pada esok harinya.
2. Menyemak atau menguji daya ingatan sendiri untuk tajuk-tajuk tertentu.
3. Memastikan alat tulis, dokumen peperiksaan, kad pengenalan dan pakaian telah siap sedia.
4. Jangan berbual kosong atau menonton televisyen. Jika perlu dengarlah alunan muzik yang instrumental yang lembut
5. Tidur awal sedikit. Pastikan mendapat rehat yang secukupnya untuk menghadapi peperiksaan.

PAGI HARI PEPERIKSAAN

Perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

1. Bangun awal sedikit untuk memastikan sempat untuk sediakan diri dengan sempurna.
2. Pastikan sarapan yang mencukupi. Pilih makanan yang rendah kandungan lemak dan karbohidrat serta tidak pedas. Makan tidak terlalu banyak.
3. Sekiranya perlu, selesaikan urusan ke tandas sama ada di rumah atau di asrama sebelum ke dewan peperiksaan
4. Pastikan keluar rumah atau asrama awal sedikit.

5. Pastikan dokumen peperiksaan termasuk kad pengenalan dan alat tulis serta peralatan-peralatan lain perlu dibawa bersama.
6. Yakini diri sendiri, ulangi lafaz positif atau saranan diri positif
7. Sementara menunggu untuk memasuki dewan peperiksaan, rujuk nota sepintas lalu atau sekadar tenangkan fikiran. Tidak perlu adakan perbincangan dengan sesiapa pun.

BEBERAPA MINIT PERTAMA

Amalkan perkara berikut, iaitu;

1. Masuk ke dewan peperiksaan dengan tenang dan senyum. Mulakan langkah kanan dan baca doa.
2. Setelah duduk di kerusi, lakukan perkara-perkara berikut dalam tempoh masa satu atau dua minit sahaja:
 - # Doa yang ringkas
 - # Tarik nafas panjang beberapa kali
 - # Berkata pada diri sendiri dengan penuh emosi beberapa lafaz positif

Rujukan

Ahmad Rozelan Yunus (2001). *Kesediaan pendedahan sendiri kepada kaunselor dan orang signifikan; Kajian di sebuah sekolah di Kuala Lumpur*. Laporan kajian yang tidak diterbitkan.

Mohamad Fadzil Che Din. (1998). *Panduan pelajar cemerlang: Kaedah pemenang pingat emas pelajar terbaik UPM*. Serdang: Penerbit Uniputra.

Noraini Ahmad. (1994). *Pengurusan masa: Bagaimana meleraikan diri daripada perangkap masa*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Salihan Siais. (1993). *Teknik belajar berkesan: Secara pendekatan Islam*. Kajang: Purwati Enterprise.

Shukri Abdullah. (1997). *Cemerlang peperiksaan: Petua dan panduan untuk berjaya cemerlang*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.